

**PERSEPSI GURU DAN PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH
DAERAH PONTIAN TERHADAP PEMANSUHAN PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK
DALAM BAHASA INGGERIS (PPSMI)**

YAHYA BIN MAHMUD

Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2012

DEDIKASI

Insan-insan yang amat dikasihi :

Allahyarham Ayahanda Mahmud Bin Rasiman

Allahyarhamah Bonda Saniah Bt Kasim

Isteri dan Anak-anak

Fakhriah Bt Hj Md Kasim

Hizrina Bt Yahya

Hairina Bt Yahya

Hibrina Bt Yahya

Adik Beradik

Zaidah Bt Mahmud dan Awilah Bt Mahmud

Dan

Sahabat-sahabat seperjuangan

Mohd Asnorhisham Bin Adam dan Abd Shukor Bin Talib

atas galakan dan sokongan padu yang telah diberikan.

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat illahi kerana berjaya melaksanakan tugas yang telah diberikan kepada saya. Maka dengan ini terhasil kertas projek yang bertajuk Persepsi Guru Dan Pelajar Sekolah-Sekolah Menengah Di Daerah Pontian Terhadap Pemansuhan Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Di sini saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Pn. Sanitah Binti Mohd Yusof yang telah banyak membimbing serta membantu saya dalam memberikan tunjuk ajar dan teguran membina. Tanpa ada pertolongan dan bantuan beliau sudah pasti saya akan menghadapi kesulitan dalam menyelesaikan kertas projek ini.

Kertas projek ini juga saya tujukan khas buat isteri dan anak-anak tersayang. Ucapan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada mereka kerana sokongan dan perangsang yang diberikan membuat saya dapat berdiri sebagai insan yang mampu berdikari. Pada ayah dan ibu tercinta, iringan doa dan restu kalian selama ini terhadap diri ini tidak akan dilupakan. Agar pengorbanan seorang ayah dan ibu akan dapat saya balas di kemudian hari.

Akhir kata buat semua ahli keluarga, teman-teman seperjuangan yang telah banyak memberikan pertolongan serta nasihat yang berguna, jasa kalian juga tidak akan dapat saya lupakan. Semoga Allah saja yang dapat membalasnya.

ABSTRAK

Tujuan utama kajian adalah untuk mengetahui persepsi guru-guru dan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah Daerah Pontian terhadap pemansuhan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Penyelidikan ini telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu melihat tahap keyakinan guru dan pelajar serta pandangan guru dan pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di dalam kelas selepas pemansuhan PPSMI. Kajian ini melibatkan 40 orang guru dan 80 orang pelajar Tingkatan Satu dari empat buah sekolah dalam Daerah Pontian. Kesemua responden guru dan pelajar adalah dipilih dari pelbagai bangsa termasuk Melayu dan Cina. Hasil kajian menunjukkan persepsi guru-guru dan pelajar-pelajar terhadap pemansuhan pengajaran dan pembelajarn Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris menunjukkan tahap pandangan pelajar (min=4.02) lebih cenderung daripada keyakinan pelajar (min=3.87). Manakala dari segi perbandingan persepsi guru pula keputusan menunjukkan sebaliknya iaitu keyakinan guru lebih cenderung (min=3.92) berbanding pandangan guru (min=3.82). Hasil kajian juga mendapati tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan diantara keyakinan pelajar untuk belajar semula subjek Sains dan Matematik menggunakan Bahasa Melayu selepas pemansuhan PPSMI mengikut bangsa responden. Hasil kajian ini mungkin memberikan manfaat kepada guru-guru, para pelajar, ibu bapa dan pihak pentadbir sekolah untuk bersedia menghadapi perubahan serta dapat mengenalpasti pendekatan yang kukuh bagi meneruskan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Melayu.

ABSTRACT

The main purpose of this research is to examine the teachers and students perception of teaching and learning Science and Mathematics In English. The research was divided into two parts that is to see the confidence and assumption among teachers and students in teaching and learning Science and Mathematics after the annulment of ETeMS. This research involved only 40 teachers and 80 Form One students from four secondary school around Pontian District. The samples were chosen from Malay, Chinese and Indian teachers and students. The result of this research indicates that the students' assumption (min=4.02) is more compared to students' confidence (min=3.87) on the annulment of ETeMS. As for teachers, the teachers' confident (min=3.92) is more compared to teachers' assumption (min=3.82). Lastly, there was no significant differences between Malay and Chinese students to study Science and Mathematics in Bahasa Melayu after the annulment of ETeMS. The result might give benefit to teachers, students, parents and also school administrators to prepare for the changes and try to identify the best methods for continuing the teaching and learning Science and Mathematics in Bahasa Melayu.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB 1	MUKA SURAT
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Skop Kajian	10
1.9 Peristilahan	11

BAB 2**MUKA SURAT**

2.1 Pengenalan	13
2.2 Bidang Sains dan Matematik	14
2.3 PPSMI	16
2.4 Guru dan Pengajaran	16
2.5 Pelajar dan Pembelajaran	17
2.6 Kajian Lepas	18

BAB 3**MUKA SURAT**

3.1 Pengenalan	23
3.2 Reka bentuk Kajian	23
3.3 Sampel Kajian	24
3.4 Lokasi Kajian	24
3.5 Instrumen Kajian	24
3.6 Kesahan Kajian	26
3.7 Tatacara Kajian	28
3.8 Kajian Rintis	29
3.9 Kaedah Analisis Data	31

BAB 4**MUKA SURAT**

4.1 Pengenalan	33
4.2 Analisis Deskriptif Latar belakang Responden	
4.2.1 Jantina Responden Guru dan Pelajar	34
4.2.2 Bangsa Responden Guru dan Pelajar	35
4.3 Analisis Data	
4.3.1 Tahap Keyakinan Pelajar Untuk Belajar Semula Subjek Sains dan Matematik Menggunakan Bahasa Melayu selepas pemansuhan PPSMI	36

4.3.2 Tahap Keyakinan Guru Untuk Mengajar Semula Subjek Sains dan Matematik Menggunakan Bahasa Melayu selepas pemansuhan PPSMI	40
4.3.3 Pandangan Pelajar Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Dalam Kelas selepas Pemansuhan PPSMI	44
4.3.4 Pandangan Guru Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Dalam Kelas selepas Pemansuhan PPSMI	48
4.4 Tahap Persepsi Pelajar Dan Guru Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian Terhadap Pemansuhan PPSMI	
4.4.1 Deskriptif Konstruk Pelajar	52
4.5.2 Deskriptif Konstruk Guru	53
4.5 Mengenalpasti Perbezaan Persepsi Pelajar Melayu dan Cina Terhadap Pemansuhan PPSMI	54
4.6 Kesimpulan	55

BAB 5

MUKA SURAT

5.1 Pengenalan	57
5.2 Rumusan	58
5.3 Hasil Dapatan Kajian	
5.3.1 Persoalan Kajian 1	59
5.3.2 Persoalan Kajian 2	59
5.3.3 Persoalan Kajian 3	60
5.3.4 Persoalan Kajian 4	60
5.3.5 Persoalan Kajian 5	61
5.4 Perbincangan	
5.4.1 Persepsi Guru Terhadap Pemansuhan PPSMI	61

5.4.2	Persepsi Pelajar Terhadap Pemansuhan PPSMI	63
5.4.3	Perbezaan Tahap Keyakinan Pelajar Melayu dan Cina	64
5.5	Cadangan	
5.5.1	Cadangan Bagi Guru dan Pelajar	65
5.5.2	Cadangan Bagi Pentadbir Sekolah	65
5.5.3	Cadangan Untuk Penyelidikan Akan Datang	66
5.6	Penutup	67
	BIBLIOGRAFI	68
	LAMPIRAN	

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1(a)	Taburan Soalan Mengikut Konstruk Soalan Untuk Guru	26
3.1(b)	Taburan Soalan Mengikut Konstruk Soalan Untuk Pelajar	26
3.2(a)	Jadual Item Yang Diperbaiki Bagi Konstruk Guru	27
3.2(b)	Jadual Item Yang Diperbaiki Bagi Konstruk Pelajar	28
3.3	Aras Dapatan Kajian	31
3.4	Tahap Penskoran Berdasarkan Min Skor	31
3.5	Ringkasan Kaedah Analisis Statistik	32
4.1	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Jantina Responden Guru dan Pelajar	34
4.2	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Bangsa Responden Guru dan Pelajar	35
4.3	Taburan Kekerapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Konstruk Keyakinan Pelajar	36
4.4	Taburan Kekerapan, Peratus, Min Dan Sisihan	

	Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Konstruk Keyakinan Guru	40
4.5	Taburan Kekekapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Konstruk Pandangan Pelajar	44
4.6	Taburan Kekekapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Konstruk Pandangan Guru	48
4.7	Tahap Persepsi Pelajar di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian Terhadap Pemansuhan PPSMI	52
4.8	Tahap Persepsi Guru di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian Terhadap Pemansuhan PPSMI	53
4.9	Analisis Ujian-T Perbezaan Keyakinan diantara Pelajar Melayu dan Cina	54
4.10	Perbezaan Keyakinan dan Pandangn Pelajar dan Guru Selepas Pemansuhan PPSMI di sekolah- Sekolah menengah daerah Pontian terhadap Proses pengajaran dan pembelajaran.	55

SENARAI SINGKATAN

PPSMI	- Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris
PPSMTI	- Pengajaran dan Pembelajaran sains, Matematik Dan Teknikal Dalam Bahasa Inggeris
CLIL	- Content and Language Intergrated Learning
FPK	- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KBSM	- Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
UPSR	- Ujian Penilaian Sekolah Rendah
SJK(C)	- Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)
SJK(T)	- Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)
STS	- Sangat Tidak Setuju
TS	- Tidak Setuju
KS	- Kurang Setuju
S	- Setuju
SS	- Sangat Setuju

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****TAJUK**

A	Borang soal selidik untuk guru
B	Borang soal selidik untuk pelajar
C	Surat pengesahan status pelajar

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa adalah alat untuk memperolehi ilmu. Kebanyakan sumber ilmu Sains dan Matematik adalah dalam bahasa Inggeris, maka adalah wajar untuk menyediakan murid menerusi Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) supaya murid Malaysia dapat bersaing pada peringkat antarabangsa. Ini kerana, selain bahasa, ilmu adalah ciri utama memperkasakan modal insan.

PPSMI telah termaktub sebagai keputusan dasar kerajaan Malaysia hasil daripada Mesyuarat Khas Jemaah Menteri pada 19 Julai 2002 di bawah pentadbiran Perdana Menteri Malaysia ke-4, Tun Dr Mahathir Bin Mohamad. Mengikut Kementerian Pelajaran Malaysia, ia dilaksanakan secara berperingkat, bermula pada sesi persekolahan tahun 2003 dengan perintisnya ialah semua murid Tahun 1 untuk peringkat sekolah rendah dan Tingkatan 1 serta Tingkatan 6 Rendah untuk peringkat sekolah menengah. Pelaksanaan penuh PPSMI ialah pada tahun 2007 untuk peringkat sekolah menengah sementara peringkat sekolah rendah ialah pada tahun 2008.

Dasar PPSMI mirip program Immersion (Swain, 1997) dan Program Content and Language Intergrated Learning (CLIL) (Marsh, 2002) yang dilaksanakan di Amerika Syarikat dan di kebanyakan negara Eropah. PPSMI juga dilaksanakan di Brunei, Singapura dan Hong Kong di mana bahasa pengantar yang digunakan tidak sama dengan bahasa ibunda murid. Di Malaysia, PPSMI dilaksanakan dengan matlamat supaya murid dapat menguasai ilmu Sains dan Matematik yang cepat berkembang dan kebanyakannya adalah dalam bahasa Inggeris. Dasar ini dijangka berupaya menyediakan murid untuk lebih berdaya saing dengan murid dari negara lain pada masa hadapan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Salah satu matlamat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan(FPK) adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan. Satu konsep asas yang terkandung dalam FPK ialah tentang ilmu, nilai ilmu dan peranan ilmu dalam pembangunan insan dan masyarakat. Nilai ilmu terletak pada kebenaran kandungan yang berfungsi bukan sahaja untuk memaklumkan dan menerangkan kepada manusia akan sesuatu, tetapi lebih penting lagi ialah ilmu mempengaruhi, mengubah dan membentuk diri masyarakat Malaysia dan sekaligus menjadikan manusia itu standing dengan masyarakat-masyarakat lain di dunia ini.

Dalam Falsafah Pendidikan Sains dan Matematik, pendidikan sains dan matematik di Malaysia pula memupuk budaya sains dan teknologi dengan memberi tumpuan kepada perkembangan individu yang kompetitif, dinamik, tangkas dan berdaya tahan serta dapat menguasai ilmu sains dan matematik yang mampu berfikir secara matematik dan menggunakan pengetahuan sains dan matematik secara berkesan dan mampu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan serta menghadapi cabaran dalam kehidupan seharian yang berkaitan dengan sains dan teknologi.

Dari ringkasan ketiga-tiga matlamat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Sains Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Matematik Kebangsaan di atas, jelas menunjukkan ilmu, sains dan matematik adalah unsur utama yang dapat membentuk masyarakat Malaysia yang berdaya saing standing dengan masyarakat global dan salah satu alat untuk memperolehi ilmu tersebut adalah melalui bahasa.

Kebanyakan sumber ilmu sains dan matematik adalah dalam bahasa Inggeris, maka adalah wajar untuk menyediakan murid menerusi Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) supaya murid Malaysia dapat bersaing pada peringkat antarabangsa. Ini kerana bahasa adalah salah satu ciri utama memperkasakan modal insan.

“kebanyakan sumber ilmu di dalam bentuk ilmiah samada daripada bahan cetakan atau media elektronik menggunakan Bahasa Inggeris sebagai perantaraan. Langkah kerajaan untuk menambah lagi penglibatan pelajar dalam penggunaan Bahasa Inggeris di sekolah supaya dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan lebih baik dan seterusnya dapat mewujudkan masyarakat berilmu”

(Salbihana, 2006)

PPSMI telah dilaksanakan pada tahun 2003 di bawah pentadbiran Perdana Menteri Malaysia ke-4, Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad. Dasar PPSMI mirip program Immersion (Swain, 1977) dan Program Content and Language Integrated

Learning (CLIL) (Marsh 2002) yang dilaksanakan di Amerika Syarikat dan di Kebanyakan Negara Eropah. PPSMI juga dilaksanakan di Brunei, Singapura dan Hong Kong di mana bahasa pengantar yang digunakan tidak sama dengan bahasa ibunda murid. Di Malaysia, PPSMI dilaksanakan dengan matlamat supaya murid dapat menguasai ilmu Sains dan Matematik yang cepat berkembang dan

kebanyakannya adalah dalam bahasa Inggeris. Dasar ini dijangka berupaya menyediakan murid untuk lebih berdaya saing dengan murid daripada negara lain pada masa hadapan.

Rasional kepada peralihan bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris adalah atas dasar keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan sumber tenaga manusia untuk mencapai taraf Negara maju dan persiapan dari peringkat awal persekolahan untuk bersaing dalam era globalisasi.

Umum mengetahui bahawa sains dan matematik adalah bidang yang menjadi asas dan berperanan penting dalam kemajuan dan pembangunan sesebuah Negara. Pelbagai inovasi dan penemuan baru dalam bidang ini berlaku dengan pantas dan capaian maklumat mengenai perkembangan dalam bidang ini banyak terdapat dalam bahasa Inggeris. Selain itu, bahasa Inggeris adalah bahasa hubungan antarabangsa dan penguasaan dalam bahasa ini memudahkan perolehan ilmu dalam bidang ini. Ketika mencadangkan dasar ini, Tun Dr Mahathir berpendapat bahawa Malaysia makin ketinggalan dalam arus globalisasi, dan diharapkan dasar ini memberi kelebihan kompetitif kepada Negara, mencontohi kejayaan Singapura dan India yang semakin melangkah ke depan kerana kebiasaan dengan bahasa Inggeris.

Sepanjang meniti perjalanannya, hampir tujuh tahun sejak dilaksanakan pada tahun 2003, PPSMI sering menjadi isu perdebatan hangat dari pelbagai kalangan. Akhirnya pada 8 Julai 2009 Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin

telah mengumumkan pemansuhan dasar tersebut dan ia dilakukan setelah kajian mendalam dilakukan ke atasnya. Beliau menyatakan pemansuhan PPSMI akan dilakukan secara berperingkat mengikut kaedah 'soft landing' mulai 2012. Pemansuhan ini dikatakan merugikan Negara kerana kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit bagi membekalkan segala keperluan berkaitan dalam pembelajaran

dan pengajaran tiga subjek yang berkenaan iaitu sains, matematik dan bahasa inggeris termasuklah elaun BISP yang di bayar kepada guru-guru bagi ketiga-tiga subjek tersebut di seluruh negara.

Dengan melaksanakan pembelajaran dan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Malaysia di sekolah kebangsaan, dan bahasa cina dan Tamil di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, kerajaan berhasrat untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar dalam kedua-dua mata pelajaran ini. Strategi ini mengambil kira fakta yang disokong oleh kajian-kajian saintifik bahawa peningkatan kefahaman pelajar mengenai konsep-konsep sains dan matematik adalah berkait rapat dengan penggunaan bahasa pengantar yang mudah difahami oleh mereka.

Bahasa setempat lebih sesuai diajar dalam bahasa setempat. Ini sejajar dengan resolusi pendidikan yang diluluskan oleh UNESCO (1951:691) yang berbunyi:

“Berkenaan kepentingan pendidikan, kami menggesa supaya bahasa ibunda digunakan selama yang boleh dalam semua peringkat pendidikan. Ini lebih-lebih lagi penting supaya kanak-kanak memulakan pendidikan mereka dalam bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, kerana itulah bahasa yang sangat mereka fahami, dan penggunaan bahasa ibunda akan menghapuskan kelainan antara bahasa di rumah dan bahasa di sekolah”.

Antara masalah utama yang dihadapi dalam pembelajaran dan pengajaran yang menyebabkan program ini dimansuhkan adalah disebabkan tahap penguasaan bahasa inggeris yang sederhana dan lemah dalam kalangan guru dan pelajar. Tahap penguasaan bahasa inggeris yang sederhana dan lemah dalam kalangan guru menyebabkan guru sukar untuk menyampaikan ilmu dengan baik kepada pelajar. Ini dapat dilihat melalui laporan Kajian Kompetensi Guru mendapati bahawa ramai dalam kalangan guru yang mengajar menggunakan dwi-bahasa iaitu bahasa inggeris dan bahasa malaysia atau bahasa malaysia

sepenuhnya semasa sesi pembelajaran dan pengajaran Sains dan Matematik. Sebaliknya tahap penguasaan bahasa inggeris yang sederhana dan lemah dalam kalangan pelajar pula menyebabkan pelajar tidak dapat memahami dan menguasai isi pelajaran sains dan matematik dengan baik. Ini jelas dilihat dari keputusan UPSR yang menunjukkan ramai pelajar luar bandar gagal dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, sekaligus menunjukkan bahawa penguasaan Bahasa Inggeris mereka masih berada di tahap yang lemah. Oleh itu penggunaan bahasa inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.

1.3 Pernyataan Masalah

Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) telah dilaksanakan oleh pentadbiran Tun Dr Mahathir Bin Mohamad pada tahun 2003. Objektif yang ingin dicapai di atas tujuan perlaksanaannya adalah antaranya untuk menyediakan murid yang dapat menguasai ilmu sains dan matematik yang cepat berkembang dan kebanyakan ilmu sains dan matematik ini adalah dalam Bahasa Inggeris. Selain dari itu dengan pelaksanaan PPSMI juga, negara ini dapat menyediakan murid yang lebih berdaya saing dengan murid dari negara lain pada masa akan datang.

Seperti diketahui, Bahasa Inggeris adalah bahasa hubungan Antarabangsa dan oleh yang demikian, pelaksanaan dasar ini juga bagi meningkatkan penguasaan dalam Bahasa Inggeris dan seterusnya memudahkan perolehan ilmu dalam bidang sains dan matematik. Selain dari itu, objektif keempat yang ingin dicapai atas tujuan perlaksanaan PPSMI ini adalah sebagai langkah keperihatinan kerajaan terhadap pembangunan sumber tenaga manusia untuk mencapai taraf negara maju dan persiapan dari peringkat awal persekolahan untuk bersaing dalam era globalisasi.

Masalah yang ingin dibuat kajian dalam penyelidikan ini ialah persepsi guru-guru dan pelaja-pelajar di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian, Pontian, Johor terhadap pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) berkuatkuasa 2012 yang telah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga merupakan Menteri Pelajaran pada Jumaat, 8 Julai 2009 (Berita Harian, 2009).

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dibuat ini adalah ditumpukan kepada persepsi guru dan pelajar terhadap pemansuhan PPSMI di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian.

Objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini ialah :

- i) Menenalpasti tahap keyakinan guru-guru Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian terhadap penggunaan semula Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik selepas pemansuhan PPSMI.
- ii) Menenalpasti tahap keyakinan pelajar-pelajar Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian terhadap penggunaan semula Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik selepas pemansuhan PPSMI
- iii) Menenalpasti pandangan guru-guru terhadap proses pembelajaran dan pengajaran selepas pemansuhan PPSMI
- iv) Menenalpasti pandangan pelajar-pelajar terhadap proses pembelajaran dan pengajaran selepas pemansuhan PPSMI
- v) Menenalpasti perbezaan tahap keyakinan pelajar Melayu dan Cina di

Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian untuk belajar semula subjek sains dan matematik menggunakan bahasa malayu selepas pemansuhan PPSMI.

1.5 Persoalan Kajian

Secara khususnya kajian penyelidikan ini dibuat adalah untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut :

1. Apakah tahap keyakinan guru-guru dan pelajar-pelajar Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian terhadap pemansuhan PPSMI?
2. Apakah pandangan guru-guru dan pelajar-pelajar di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian terhadap proses pembelajaran dan pengajaran selepas pemansuhan PPSMI?
3. Apakah perbezaan keyakinan pelajar-pelajar Melayu dan Cina di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian terhadap pemansuhan PPSMI?

1.6 Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis yang digunakan bagi membantu pengkaji membuat keputusan terhadap kajian ini :

Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara prsepsi pelajar-pelajar Melayu dan Cina terhadap pemansuhan PPSMI.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian yang dibuat penyelidikan ini adalah untuk mengetahui persepsi guru-guru dan pelajar-pelajar terhadap pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Antara kepentingan kajian ini adalah kepada :

i) Guru

Kepentingan kajian ini kepada guru ialah adakah pemansuhan PPSMI ini benar-benar dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut kerana dengan pemansuhan PPSMI pelajar mudah memahami apa yang diajarkan. Selain dari itu guru-guru dapat memastikan penggunaan masa sepenuhnya dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa pengantar yang sepatutnya iaitu Bahasa Melayu dan bukan lagi terpaksa mengajar dalam dwibahasa disebabkan pelajar tidak memahami apa yang diajar oleh guru dalam Bahasa Inggeris. Akhir sekali dengan pemansuhan PPSMI juga dapat mengurangkan beban tugas guru yang sebelum ini terpaksa menggunakan computer LCD yang hanya menyusahkan dan sebenarnya tidak memudahkan pengajaran dan pembelajaran.

ii) Pelajar

Kepentingan kajian ini kepada pelajar ialah adakah pemansuhan PPSMI ini benar-benar meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar dalam kedua-dua mata pelajaran sains dan matematik tersebut serta dapat mengelakkan kesan 'double jeopardy' dan seterusnya mengelakkan fenomena yang dipanggil 'knowledge deficit' dalam kalangan pelajar. Selain dari itu dengan pemansuhan PPSMI adakah dikatakan benar dapat menunjukkan minat untuk mempelajari Sains dan Matematik dalam kalangan pelajar lemah dan sederhana.

iii) Ibu bapa

Dapatan kajian ini dapat memberi maklumat kepada masyarakat khususnya ibu bapa pelajar terhadap pemansuhan PPSMI dan kesannya terhadap prestasi mata pelajaran Sains dan Matematik anak-anak mereka.

iv) Pentadbir Sekolah

Dapatan kajian dapat memberi maklumat kepada Pengetua, Guru Penolong Kanan Pentadbiran (Kurikulum), Ketua Bidang Sains dan Matematik serta Ketua Panitia Sains dan Matematik sekolah terhadap faktor-faktor yang telah mempengaruhi pencapaian prestasi bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah.

1.8 Skop Kajian

Kajian penyelidikan ini dilakukan untuk mengesan persepsi guru-guru dan pelajar-pelajar terhadap pemansuhan PPSMI. Bagaimana keyakinan guru-guru dan pelajar-pelajar mengajar dan mempelajari subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Melayu selepas pemansuhan PPSMI dan adakah terdapat perbezaan keyakinan diantara kedua-dua kumpulan tersebut serta adakah terdapat perbezaan keyakinan diantara pelajar-pelajar kumpulan Melayu dan Cina mempelajari Sains dan Matematik dalam bahasa melayu selepas pemansuhan PPSMI.

Kajian penyelidikan ini dilakukan kepada guru-guru dan pelajar-pelajar di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian sahaja dan ianya hanya merujuk kepada populasi kecil guru dan pelajar yang terlibat di dalam program PPSMI di seluruh negara. Oleh itu dapatan kajian dan kajian yang selanjutnya hanya boleh

digunakan sebagai rujukan hanya untuk Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Pontian sahaja.

1.9 Peristilahan

1.9.1 Persepsi

Menurut Kamus Dewan, Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, persepsi bermaksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan.

1.9.2 Guru

Menurut Kamus Dewan, Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, guru bermaksud orang yang mengajar, pendidik, pengajar, pengasuh.

1.9.3 Pengajaran

Menurut Kamus Dewan, Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai beberapa maksud iaitu 1. Perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar (seperti cara atau sistem mengajar), aspek yang dipentingkan. 2. Segala sesuatu (cara,perbuatan,dll) yang diajarkan, ajaran. 3.pengajaran atau pedoman.

1.9.4 Pembelajaran

Menurut Kamus Dewan, Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka membawa maksud 1. Segala sesuatu yang dipelajari atau diajarkan, ilmu pengetahuan(yang diperoleh). 2. Proses (usaha, kegiatan) belajar atau mencari ilmu pengetahuan, pengajian, penuntutan (ilmu pengetahuan). 3.yang berkaitan dengan ilmu pengajaran.

1.9.5 Pemansuhan

Menurut Kamus Dewan, Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka pemansuhan bermaksud perbuatan (tindakan dan sebagainya) memansuhkan, pembatalan, penghapusan

1.9.6 Bahasa Inggeris

Menurut Kamus dewan, Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bahasa Inggeris bermaksud bahasa sebagaimana yang dipertuturkan oleh orang Inggeris.

1.9.7 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara Malaysia.

1.9.8 Keyakinan

Menurut Kamus Dewan, Edisi Keempat Keyakinan bermaksud perihal yakin, kepercayaan yang sungguh-sungguh, kepastian, kesungguhan, ketentuan (Sumber Internet : Pusat Rujukan Persuratan Melayu@DBP)

Ah Meng, Ee (1986). *Pendidikan di Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Ah Meng, Ee (1992). *Psikologi Perkembangan Aplikasi dalam Bilik Darjah, edisi ke-2*. Kuala Lumpur.

Abdullah Hassan. *Isu-isu Mengenai Fungsi Bahasa Melayu*. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-10, 10th International Conference on Translation. Ogos 2-4, 2005. Kota Kinabalu, Sabah.

Azizi Yahya et. all (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Profesional.

Mok , Soon Sang (1992). *Pedagogi 2*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Nor Safiza (2011). *Persepsi Guru Sekolah Menengah Teknik Terhadap Pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran Sains, Matematik Dan Teknikal Dalam Bahasa Inggeris (PPSMTI)*. Universiti Teknologi Malaysia : Skudai

Noraini Abd Razak (2009, Julai). Dilema Hala Tuju PPSMI. *Utusan Malaysia*. Dimuat turun dari <http://www.utm.my/psz/>

[Omardin Ashaari \(1999\). *Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.](#)

Shuhada Choo Abdullah (2007, Disember 17), Negara Rugi Besar Jika Dasar PPSMI Dihentikan. *Berita Harian*. Dimuat turun pada 8 Ogos 2010 dari <http://www.utm.my/psz/>

Wan Zahid Mohd Nordin (1997). *Sekolah Bestari di Malaysia. Halatuju Masa Depan*. Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Tidak diterbitkan.

Wahid hashim (2007, April 17). Menuai Pelaburan PPSMI. *Utusan Malaysia*. Dimuat turun pada 9 Julai 2011 dari <http://www.utm.my/psz/>

Wan Zahid Mohd Nordin (1997). *Sekolah Bestari Di Malaysia. Halatuju Masa Depan*. Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Tidak diterbitkan.

7 syor laksana PPSMI ke cabinet (2009, April 3). *Berita Harian*. Dimuat turun pada 9 Julai 2011 dari <http://www.utm.my/psz/>

Rumusan Kepentinga Pelaksanaan PPSMI (2009, April 2). Dimuat turun pada 12 Julai 2011 dari <http://www.beritasemasa.my/ppsmi-dimansuhkan>

Perihal Gabungan Pro PPSMI (2009, April 2). Dimuat turun pada 12 Julai 2011 dari <http://www.beritasemasa.my/ppsmi-dimansuhkan>

Sejarah Perlaksanaan PPSMI (2009, Mac 21). Dimuat turun pada 12 Julai 2011 dari <http://www.utusan.com.my/.../info.asp?>

Laman web Kementerian Pelajaran Malaysia. www.moe.gov

Laman web ETeMS. <http://www.tutor.com.my/etems/>